

Tiada unsur gangsterisme, tapi kes khianat di MRSM Kuantan

oleh NORAWAZNI YUSOF 15 Ogos 2022 09:30am Masa membaca: 2 minit


BERITA > Semasa

Kecewa MRSR lambat bertindak, mangsa buli dituduh pelaku

oleh NORAWAZNI YUSOF 13 Ogos 2022 11:49am Masa membaca: 4 minit

 **Nazrah Mohamed**
11 h · 

Kes telah berlarutan di MRSR Kuantan Rasmii dari bulan Jun 2022 sehingga ke hari ini. Kami masih tidak nampak penyelesaian malah kes semakin menjadi-jadi dan bertambah serius yang mana anak kami dan beberapa pelajar lain berterusan menjadi mangsa perbuatan khianat dan gangsterism. Sebagai ibubapa kami tidak boleh berdiam diri. Berikut adalah kronologi k... See more


Nota-nota yang dijumpai oleh pelajar Form3 di dalam biliknya

Gambar kiri: Nazrah Mohamed mendedahkan kes buli di MRSR Kuantan. **Gambar kanan:** Antara nota tulisan tangan yang dimuat naik dalam hantaran di Facebook miliknya.

Siasatan awal polis mendapati tidak wujud sebarang unsur gangsterisme dalam kes buli yang didakwa berlaku di MRSR Kuantan.

KUANTAN - Tiada sebarang elemen gangsterisme yang wujud dalam dakwaan kes buli membabitkan pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSR) Kuantan.

Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Kommisioner Wan Mohd Zahari Wan Busu berkata, itu dapat hasil siasatan awal yang dijalankan pihak polis berhubung laporan dibuat ibu kepada pelajar terbabit.

“Kita sudah merakam percakapan mereka yang terlibat seperti guru-guru, pelajar-pelajar termasuk ibu mangsa bagi membantu siasatan kes itu.

“Jadi, siasatan awal mendapati tidak wujud sebarang unsur pengsterisme dalam kejadian ini,” katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Beliau menjelaskan, dua laporan diterima daripada ibu mangsa dan warden MRSM berhubung kes itu.

Bagaimanapun katanya, kes itu hanya disiasat di bawah Seksyen 427 Kanun Keseksaan iaitu perbuatan khianat terhadap pelajar terbabit.

Pada Jumaat lalu, polis mengesan satu hantaran yang dimuat naik oleh pemilik akaun Facebook bernama Nazrah Mohamed mendakwa berlakunya kejadian khianat terhadap pelajar MRSM.

Dalam hantarannya itu, ibu mangsa mendakwa wujud perbuatan khianat dan budaya pengsterisme di sekolah itu.

Wanita itu dikatakan turut berkongsi gambar baju sekolah anaknya yang diconteng dan rambut digunting ketika tidur.

Perkongsian itu mendapat pelbagai reaksi netizen sehingga menerima 10,000 komen dan dikongsi 22,000 kali.

Sehubungan itu, polis Kuantan menasihatkan orang ramai supaya tidak sewenang-wenangnya memuat naik sebarang hantaran dan perkongsian yang boleh menimbulkan keresahan dalam kalangan masyarakat.

Sebaliknya beliau meminta orang ramai mendapatkan pengesahan daripada pihak berkuasa.